

Headline	PROJEK PEMANGKIN KLIA AEROPOLIS		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 May 2014	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	314,000
Page No	B1,2	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	503 cm ²
Journalist	Shahrizan Salian	AdValue	RM 17,339
Frequency	Daily	PR Value	RM 52,017



PROJEK PEMANGKIN KLIA AEROPOLIS

» MAHB usaha tarik lebih banyak pelaburan bernilai berbilion ringgit

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

Malaysian Airports Holdings Bhd (MAHB) merancang untuk membangunkan projek pemangkin di KLIA Aeropolis dalam usahanya menarik lebih banyak pelaburan bernilai berbilion

ringgit di kawasan berkenaan.

Rangkaian projek pemangkin berkenaan akan menjadi pencetus perubahan wajah kawasan yang mengelilingi Lapangan Terbang Antarabangsa (KLIA) itu selepas KLIA Aeropolis menerima pelaburan utama pertamanya daripada sebuah firma Jepun, Mitsui Fudosan untuk membuka gedung beli belah Mitsui Outlet Park KLIA.

● Bisnes B2



Headline	PROJEK PEMANGKIN KLIA AEROPOLIS		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 May 2014	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	314,000
Page No	B1,2	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	503 cm ²
Journalist	Shahrizan Salian	AdValue	RM 17,339
Frequency	Daily	PR Value	RM 52,017

1,000 hektar KLIA Aeropolis diperuntukkan taman tema

○ Dari muka B1

Langkah menarik pelaburan baharu itu juga bertepatan dengan sasaran MAHB untuk mengukuhkan asas pendapatannya daripada sumber perniagaan bukan berkaitan penerbangan.

Pengurus Besar Kanan Perancangan MAHB, Khair Mirza, berkata pelan induk komprehensif KLIA ketika ini merangkumi beberapa komponen utama bagi melengkapi gedung beli belah Mitsui Outlet Park yang dijangkakan mula beroperasi pada tahun depan.

"KLIA Aeropolis akan mempunyai kawasan suite perniagaan berhampiran gedung beli belah ini di samping komponen pembangunan lain membabitkan hospitaliti, rekreasi dan santai termasuk cadangan membina sebuah lapangan golf.

"Kami juga merancang membangunkan sebuah daerah perniagaan berpusat yang bertentangan dengan pejabat korporat MAHB.

Projek pemangkin

"Pada masa sama, Lembaga Tabung Haji (TH) juga sedang dalam fasa perancangan akhir untuk meletakkan hab pemrosesan haji bersama sebuah hotel di kawasan ini," katanya ketika ditemui di Sepang, minggu lalu.

Khair berkata, beberapa projek pemangkin KLIA Aeropolis kini berada dalam peringkat perancangan, termasuklah cadangan untuk membangunkan hab kargo dan logistik sebaik saja Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) ditutup sepenuhnya pada Jumaat ini.

Katanya, cadangan berkenaan akan membolehkan Malaysia secara umumnya meraih manfaat langsung yang besar kepada ekonominya.

"KLIA Aeropolis ialah sebuah pembangunan mega dan kami mempunyai beberapa pihak yang berminat untuk melabur di dalamnya. MAHB sedang berbincang dengan mereka.

Zon komersial bebas

"Kawasan pertumbuhan ini juga adalah satu jendela peluang kepada Malaysia untuk menunjukkan kepada dunia apa yang kita dapat sediakan kepada pelabur antarabangsa," katanya.

Khair berkata, kira-kira 1,000 hektar kawasan di KLIA Aeropolis diperuntukkan untuk membina taman tema bertaraf dunia.

KLIA Aeropolis juga, katanya akan menampilkan sebuah zon komersial bebas, sebuah pusat mesyuarat, konvensyen dan pameran, kawasan penjagaan alam sekitar dan zon pelancongan hijau.

"Kawasan berkenaan dijangka siap dalam tempoh antara lima hingga 10 tahun akan datang," katanya.

Buat masa ini, kawasan seluas 2,428 hektar daripada 8,966 hektar KLIA Aeropolis sudah dimajukan.

Kawasan yang masih belum dimajukan kini ditanam dengan pokok kelapa sawit.

KLIA Aeropolis terletak kira-kira enam kilometer daripada KLIA dan terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2).

**The
Malaysian Reserve**

DATE	05 / 05 / 2014	SECTION	
PAGE	2	COLUMN	SNAP NEWS

► Alam Maritim unit bags part of RM248m contract

ALAM Maritim Resources Bhd's joint venture entity, Alam Swiber Offshore (M) Sdn Bhd (ASO), has inked a deal with Technip Geoproduction (M) Sdn Bhd and Malaysia Marine and Heavy Engineering Sdn Bhd, jointly undertake engineering, procurement, construction, installation and commissioning works on projects in Malaysian waters. The support services vessels provider, in a filing said the contract inclusive of optional scope undertaken by ASO is valued at RM248 million and will commence immediately.